



INSTITUT PENYELIDIKAN HIDRAULIK KEBANGSAAN MALAYSIA
National Hydraulic Research Institute of Malaysia (NAHRIM)
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
Ministry of Natural Resources and Environment (NRE)
Lot 5377, Jalan-Putra Permai
43300 Seri Kembangan
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



Telefon : 03-8947 6400
Faksimili : 03-8948 3044
Laman Web : www.nahrin.gov.my

Ruj. Kami : NAHRIM (S) 500-3/5 Jld. 45 R.F.18 (5)
Tarikh : 29 Mac 2017



Pejabat Pendaftar
Aras 5, Bangunan Canselori
Universiti Sains Malaysia
11800 USM Penang
(u.p.: YBhg. Prof. Dato' Dr. Abd. Aziz Tajuddin)

YBhg. Prof. Dato',

PELAWAAN JAWATAN PENGARAH MAKMAL KUALITI AIR, PEGAWAI PENYELIDIK, GRED Q54 SECARA PEMINJAMAN SEMENTARA DI INSTITUT PENYELIDIKAN HIDRAULIK KEBANGSAAN MALAYSIA (NAHRIM), KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa terdapat kekosongan jawatan Pengarah Makmal Kualiti Air, Pegawai Penyelidik Gred Q54 di Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM). Sehubungan itu, Institut ini berbesar hati untuk menawarkan jawatan tersebut kepada pegawai daripada agensi YBhg. Prof. Dato' yang berminat bagi menyumbangkan kepakaran dan pengetahuan kepada NAHRIM di samping mengisi kekosongan jawatan di Institut ini.

3. Bersama-sama ini disertakan iklan pengambilan pegawai seperti di **Lampiran** untuk perhatian pihak YBhg. Prof. Dato' jua. Bagi urusan tersebut, pihak YBhg. Prof. Dato' adalah dipohon untuk menyediakan dokumen-dokumen seperti berikut selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012:

- i) Surat Permohonan Pegawai;
- ii) Surat Pelepasan Agensi Pembekal;
- iii) Perakuan Agensi Pembekal (Lampiran L1);
- iv) Surat Sermohonan Pelepasan Kepada Pihak Berkuasa Melantik (PBM);
- v) Surat Pelepasan Pihak Berkuasa Melantik (PBM);
- vi) Surat Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- vii) *Curriculum Vitae* (CV) Pegawai;
- viii) Salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) tiga (3) tahun berturut-turut; dan
- ix) Dua (2) keping gambar berukuran *passport*.

..12



IKLAN PENGAMBILAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM UNTUK BERKHIDMAT SEBAGAI PENGARAH, MAKMAL KUALITI AIR DI INSTITUT PENYELIDIKAN HIDRAULIK KEBANGSAAN MALAYSIA (NAHRIM), KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE) SECARA PEMINJAMAN SEMENTARA

1. Permohonan adalah dipelawa daripada Pegawai Perkhidmatan Awam yang sedang berkhidmat di Agensi Kerajaan bagi mengisi jawatan **Pengarah Makmal Kualiti Air, Pegawai Penyelidik, Gred Q54** di Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) secara peminjaman sementara.

2. SYARAT-SYARAT UMUM PERMOHONAN

- i) Pegawai terdiri daripada warganegara Malaysia;
- ii) Pegawai telah dilantik tetap dan disahkan dalam perkhidmatan;
- iii) Mempunyai prestasi kerja di tahap 85% (melebihi sasaran / cemerlang dalam Laporan Penilaian Prestasi Tahunan);
- iv) Mempunyai kompetensi yang sesuai dengan bidang tugas yang dipohon; dan
- v) Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib.

3. SYARAT-SYARAT UMUM JAWATAN

- i) Terbuka kepada Pegawai Sains Gred C48/ C52/ C54 atau yang bersesuaian;
- ii) Pegawai dilantik tetap dan telah disahkan dalam jawatan;
- iii) Tidak melebihi umur 55 tahun pada tarikh tutup permohonan;
- iv) Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains atau Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan sekurang-kurangnya 20 tahun pengalaman kerja dalam bidang sektor air termasuk sumber air, sungai, pantai, hidrogeologi dan kualiti air;
- v) Memiliki pentauliah sebagai Ahli Kimia Bertauliah oleh Institut Kimia Malaysia (IKM) dan mempunyai pengalaman bekerja di makmal sekurang-kurangnya 10 tahun;
- vi) Pakar dalam bidang penganalisan kualiti air di makmal;
- vii) Arif dalam pensijilan dan pentauliahan akreditasi makmal antarabangsa dengan pengalaman sekurang-kurangnya 15 tahun; dan
- viii) Berkebolehan bertutur dan menulis dengan baik dalam Bahasa Inggeris.

4. CARA MEMOHON

Semua permohonan hendaklah dikemukakan melalui **Ketua Jabatan** masing-masing dengan disertakan dokumen-dokumen berikut:

- i) **Satu (1) salinan maklumat peribadi (*resume*) terkini;**
- ii) **Satu (1) Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang disahkan oleh ketua Jabatan; dan**
- iii) **Satu (1) Salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (Tahun 2016) yang disahkan oleh Ketua Jabatan.**

Semua permohonan dan dokumen yang lengkap hendaklah dikemukakan secara serahan tangan / pos kepada :

Ketua Pengarah
Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia
Lot 5377 Jalan Putra Permai
43300 Seri Kembangan
SELANGOR DARUL EHSAN
(u.p.: Puan Erma Marlina Binti Hamsan)

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah sebelum atau pada **15 Mei 2017 (Isnin)**. Permohonan yang lewat diterima daripada tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dipertimbangkan.

6. TEMUDUGA

- i) Hanya pemohon-pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga.
- ii) Permohonan yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.
- iii) Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.

7. PERTANYAAN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan/puan bolehlah menghubungi pegawai-pegawai Unit Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan NAHRIM seperti berikut:

- i) Nama : Puan Erma Marlina Hamsan
No. Telefon : 03-8947 6403
Emel : erma.nahrim@1govuc.gov.my
- ii) Nama : Puan Noor Fatahiyah Mohd Aziz
No. Telefon : 03-8947 6410
Emel : fatahiyah.nahrim@1govuc.gov.my

Tarikh iklan dikeluarkan : **15 April 2017**